

18 OCT 2002

Malaysia-India/I

MALAYSIA AKAN KAJI CADANGAN PROJEK JALAN DI ANDHRA PRADESH

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

HYDERABAD, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia akan mengkaji satu cadangan projek raksasa bagi pembinaan jalan di Andhra Pradesh yang akan membawa kepada pertumbuhan pesat di negeri selatan India ini, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

Beliau telah mengarahkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) supaya mendapatkan tenaga jurutera Malaysia untuk melakukan kajian kemungkinan bagi projek itu dan menyediakan laporan awal untuk diserahkan kepada kerajaan negeri Andhra Pradesh.

Samy Vellu berkata Ketua Menteri Chandrababu Naidu telah membayangkan minatnya terhadap projek Jalan Lingkaran Luar sepanjang 200 km itu yang akan memudahkan perjalanan trafik di sekitar bandar raya ini ke beberapa destinasi.

"Sebaik sahaja beliau selesai mengkaji laporan (awal) itu, kita akan lihat apa langkah selanjutnya," katanya kepada Bernama berikutan lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri ini yang berakhir semalam.

Samy Vellu berkata minat Naidu untuk mendapatkan penyertaan Malaysia dalam projek itu membayangkan keyakinan beliau terhadap kebolehan kontraktor Malaysia.

"Kita telah melakukan kerja yang agak banyak di India. Kerajaan India bersikap baik dengan kita dan terus-menerus memberikan kontrak, kita telah memenangi banyak tender," kata beliau.

Dalam temu ramah berasingan, Naidu memberitahu Bernama bahawa lawatan Dr Mahathir akan membuka jalan untuk mengadakan interaksi yang lebih luas antara kedua-dua negara terutama bagi negeri ini.

"Kami sedang merancang beberapa perkara lagi... banyak pelabur Malaysia datang ke Andhra Pradesh sekarang untuk menyertai kerja pembinaan jalan, pelabuhan, lapangan terbang dan aktiviti pembinaan," kata Naidu, yang telah merangka Wawasan 2020 untuk negeri ini setelah mendapat ilham daripada wawasan Dr Mahathir untuk memajukan Malaysia.

Beliau berkata penglibatan pelabur dari kedua-dua belah pihak untuk menyertai dalam program pembangunan antara satu sama lain adalah langkah yang bijak.

Beliau menyebut sebagai contoh, Satyam Computer Services Limited, syarikat raksasa dalam bidang IT di India, yang berminat untuk melebarkan sayap operasinya ke Malaysia.

"Ini merupakan kedudukan menang-menang, interaksi yang semakin meningkat antara kedua-dua negara bermakna lebih banyak peluang pelaburan," kata Naidu yang memainkan peranan utama dalam pelancaran Bandar Hitec dekat sini yang telah dilawati Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata terdapat banyak perkara tentang Malaysia yang memberi perangsang kepada Andhra Pradesh.

"Mereka sangat berazam untuk mencapai kejayaan, kalau Malaysia boleh, mengapa tidak boleh mereka mencontohnya," katanya kepada Bernama.

Sambil menarik perhatian bahawa negeri itu mempunyai banyak persamaan dengan Malaysia, beliau berkata mereka nampaknya sangat memberi tumpuan kepada program pembangunan.

"Mereka memandang kepada GDP dunia yang akan dikuasai oleh sektor perkhidmatan, dan oleh kerana hala tuju dasar Malaysia juga ke arah sektor perkhidmatan, di sinilah wujudnya synergi," katanya.

"Saya rasa lawatan Perdana Menteri kali ini adalah satu daripada

lawatan yang paling berjaya kerana ia mendatangkan hasil yang substantif," kata Syed Hamid.

Beliau juga menyambut baik langkah Satyam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat global yangnya boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

AZZ AHH NMO